

27 APR 2001

Razaleigh-PAS

PINDAAN PERLEMBAGAAN NEGERI KELANTAN KERANA DENDAM PADA ISTANA

TUMPAT, 27 April (Bernama) -- Tindakan Kerajaan Negeri Kelantan meminda perlembagaan negeri berkaitan fungsi raja-raja dalam pentadbiran adalah semata-mata kerana dendam terhadap Istana Kelantan.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Tengku Razaleigh Hamzah berkata, ia berpunca daripada tindakan Istana Kelantan pada Januari lepas yang menarik balik pingat yang diterima oleh dua anggota majlis mesyuarat (Exco) Kerajaan Negeri.

"Dengar khabar dia nak buat pindaan perlembagaan kerana nak marah kepada Tuanku, sebab Tuanku tarik bintang dua ahli Exco itu, seolah-olah nak balas dendam..rupa-rupanya PAS pun nak hal dunia juga, ingatkan nak ke syurga sahaja," katanya.

Tengku Razaleigh yang juga anggota Parlimen Gua Musang berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Tumpat di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat baru-baru ini, bahawa kerajaan negeri akan memanggil sidang Khas Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi membincangkan pindaan perlembagaan negeri itu bagi mengurangkan fungsi raja dalam pentadbiran negeri.

Sidang DUN Khas itu sepatutnya diadakan sebelum 30 April ini tetapi ditangguhkan ke satu tarikh lain kerana draf cadangan pindaan perlembagaan itu belum siap.

Dua Exco yang pingat masing-masing ditarik balik ialah Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Wilayah Negeri, Takiyuddin Hassan dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Dakwah Negeri, Mohamad bin Daud.

Beliau berkata, sebelum ini kerajaan PAS di Kelantan tidak mengikut jejak Kerajaan Persekutuan yang membuat pindaan perlembagaan yang lebih kurang sama pada 1993 kerana menentang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kini mereka (PAS) nak buat pindaan, tak tahu lah jadi tak jadi, tetapi kalau Tuanku tidak beri perkenan, pindaan itu tak laku," katanya.

Tengku Razaleigh juga berkata jika benar-benar PAS ingin memperjuangkan Islam, mereka perlu membuang perlembagaan negeri yang ada sekarang yang dibuat oleh Inggeris dan menggantikannya dengan perlembagaan yang berlandaskan Al-Quran dan hadis sepenuhnya.

Terdahulu dalam ucapannya, Tengku Razaleigh berkata Umno memerlukan pemimpin daripada kalangan tenaga muda yang berwawasan bagi meneruskan perjuangan membela agama, bangsa dan negara.

"Umno mahukan pemimpin berjiwa rakyat yang sentiasa memastikan rakyat menikmati taraf hidup yang lebih baik berbanding masa lampau," katanya.

Beliau berkata dalam usaha menonjolkan bakat-bakat baru, anggota Umno dalam membuat keputusan itu tidak seharusnya terpengaruh dengan politik wang atau janji-janji manis.

Tengku Razaleigh menasihati anggota Umno supaya melupakan sebarang persengketaan yang berlaku semasa kempen merebut jawatan peringkat bahagian dengan segera dan merapatkan kembali perpaduan.

PAS sentiasa mengambil peluang terhadap perpecahan yang berlaku dalam Umno untuk membuktikan kepada rakyat bahawa Umno sebuah parti yang lemah.

-- BERNAMA

BD PR NAK

